

# PM saksi demonstrasi padam kebakaran

BH 17 JUL 2002

KUALA LUMPUR, Selasa – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini menyaksikan demonstrasi menyelamat dan memadam kebakaran hutan menggunakan kapal terbang amfibia pelbagai guna Bombardier 415 di Tasik The Mines, di sini.

Walaupun demonstrasi bermula lewat lebih sejam akibat kerosakan teknikal, pesawat buatan Bombardier Aerospace dari Kanada itu berjaya mempamerkan keupayaan dalam tugas menyelamat dan memadam api dengan bantuan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Demonstrasi bermula dengan operasi menyelamat mangsa karam di laut, diikuti cara mencedok air di permukaan tasik dengan kadar 6,137 liter dalam masa 12 saat pada jarak 410 meter dan pelbagai teknik penerbangan dan penyemburan air di permukaan tasik itu.

Turut sama menyaksikan demonstrasi itu ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding, pegawai tinggi Suruhanjaya Tinggi Kanada serta Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Pengarah Urusan

Country Heights Holdings Berhad, Tan Sri Lee Kim Yew.

Jabatan Bomba dan Penyelamat dikatakan berminat untuk memiliki pesawat bernilai RM95 juta itu bagi mempertingkatkan keupayaan melawan kebakaran hutan dan belukar. Pakej penuh untuk kegunaan jabatan itu termasuk latihan, bernilai RM128 juta.

Mac lalu, demonstrasi yang sama diadakan di Empangan Batu, Gombak yang dihadiri pegawai tinggi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pesawat dua enjin yang dikenali sebagai bomba udara ini mempunyai kelajuan maksimum 365 kilometer sejam dan setakat ini lima negara iaitu Kanada, Greece, Perancis, Itali dan Croatia sudah menempah 56 pesawat jenis itu.

Selain melawan kebakaran hutan, Bombardier 415 boleh digunakan untuk operasi mencari dan menyelamat di laut, pemantauan pencemaran dan penyemburan penyah tumpahan minyak, rondaan perairan, pencegahan pe-nyeludupan dadah dan kemasukan pendatang asing.